

**Bil. 30**

**Isnin**

**12 November 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Banjir di Permatang Pauh dan Langkah Kerajaan  
Persekutuan Menangani Masalah Banjir**  
- *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)* [Halaman 1]
- **Masalah Banjir di Sekitar Alor Setar**  
- *YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)* [Halaman 6]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Isnin, 12 November 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Banjir di Permatang Pauh dan  
Langkah Kerajaan Persekutuan Menangani Masalah Banjir**

**2.34 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, Pada 29 Mei 2018, beberapa kawasan di Parlimen Permatang Pauh telah dilanda banjir. Antara kawasan yang terkesan termasuk penduduk di sekitar kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) seperti Bandar Baru Perda, Permatang Rawa, Kampung Terus dan Taman Permai Jaya. Hujan lebat yang disusuli angin kencang, ribut petir dan air laut pasang setinggi 2.4 meter telah menjadi punca utama berlakunya banjir di kawasan tersebut.

Dalam kejadian ini, beberapa orang peniaga turut mengalami kerugian akibat kerosakan khemah dan peralatan perniagaan. Selain itu, beberapa pokok dilaporkan tumbang di jalan-jalan utama sekitar kawasan Permatang Pauh. Kawasan Permatang Pauh juga telah dilanda banjir pada 5 Januari 2018 di Taman Siakap dan Kampung Permatang Rawa. Begitu juga pada 6 November 2017, apabila kawasan Permatang Pauh dan Pulau Pinang secara keseluruhannya dilanda banjir akibat hujan lebat yang berterusan. Situasi ini amat membimbangkan penduduk di Parlimen Permatang Pauh yang berhadapan dengan isu banjir saban tahun.

Peruntukan sebanyak RM150 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang daripada Kerajaan Persekutuan melalui Yang Berhormat Menteri Kewangan amat dialu-alukan. Dari sudut peruntukan secara holistik, saya mohon kerajaan memperincikan

jumlah sebenar peruntukan yang telah diberikan kepada kerajaan negeri dari RMKe-9 hingga RMKe-11. Pihak Kerajaan Persekutuan juga wajar melaksanakan *Environmental Impact Assessment* (EIA) di kawasan yang berpotensi banjir di Permatang Pauh.

Kerajaan Persekutuan harus sedar, sebelum ini KeTHHA telah diberikan tanggungjawab untuk menyiapkan Pam Mak Sulong mengikut spesifikasi Perbadanan Bekalan Air (PBA). Namun, pihak KeTTHA telah melantik kontraktor Kementerian Kerja Raya (KKR) tanpa perbincangan lanjut dengan kerajaan negeri.

Kesannya, kontraktor tersebut tidak mengikut spesifikasi PBA dalam pembinaan Pam Mak Sulong sehingga sistem saluran air tersumbat dan tidak diselenggara dengan baik, begitu lamanya. Begitu juga dengan Empangan Mengkuang yang tidak diuruskan dengan baik sehingga air melimpah ketika waktu hujan lebat menyebabkan banjir di kawasan sekitar Permatang Pauh.

Saya mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan dan saluran di sekitar Parlimen Permatang Pauh di beberapa kawasan yang kerap dilanda banjir, seperti di Taman Siakap dan Taman Senangin di DUN Seberang Jaya serta Kampung Terus di DUN Penanti.

Antaranya, memperkenalkan kaedah *Landscape Dike* atau dikenali sebagai Permatang Hijau. Ia merupakan sistem tebing tanah yang dibina untuk menahan air banjir dalam paras rendah di kawasan perumahan. Pihak kerajaan harus mengkaji kaedah alternatif untuk menangani isu banjir di Permatang Pauh. Perancangan awal dapat membantu melancarkan pengurusan mangsa banjir dan pemberian bantuan.

Saya benar-benar berharap, pihak kerajaan mampu memberi pencerahan dalam soal kebajikan dan keselamatan rakyat berhubung isu banjir di Permatang Pauh. Sekian, terima kasih.

### **2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Daripada ucapan yang diajukan tadi, saya boleh merangkumkan kepada lima soalan, ya untuk memudahkan kita faham. Soalan yang pertama bersekitar memohon kerajaan memperincikan jumlah sebenar peruntukan yang telah diberikan kepada kerajaan negeri dari RMKe-9 hingga RMKe-11. Jumlah perbelanjaan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang, di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui

Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) di dalam RMKe-9 hingga RMKe-11 adalah seperti berikut:

- (i) RMKe-9 (2006-2010): Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM306 juta di mana perbelanjaan tersebut adalah 100 peratus jika dibandingkan dengan siling kos projek bagi RMKe-9 ini seperti dalam di lampiran oleh kerana lampiran ini banyak, saya akan beri dalam bentuk bertulis. (Lampiran 1);
- (ii) RMKe-10 (2011-2015): Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM709 juta berbanding RM717 juta siling kos projek bagi RMKe-10. Ini menjadikan peratusan perbelanjaan berbanding kos siling kos yang dibenarkan di bawah RMK ini adalah 98.8 peratus (Lampiran 2); dan
- (iii) RMKe-11 (2016-2020): Projek yang diluluskan dalam RMKe-11 iaitu Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Pinang Fasa 1 berjumlah RM150 juta. Walau bagaimanapun, siling peruntukan yang diluluskan dalam RP1 (2016), RP2 (2017) dan RP3 (2018) adalah berjumlah RM35 juta (mengikut unjuran keperluan). Baki daripada RM150 juta tersebut akan diterima mengikut kemajuan pelaksanaan projek berkenaan. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga kini adalah RM32 juta di mana peratusan perbelanjaan adalah 90.5 peratus seperti (Lampiran 3) yang akan saya sertakan kerana banyak, ya.

#### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, Soalan nombor dua bersekitar, pihak Kerajaan Persekutuan juga wajar melaksanakan *Environmental Impact Assessment* (EIA) di kawasan yang berpotensi banjir di Permatang Pauh. Perlaksanaan *Environmental Impact Assessment* (EIA) hanya akan dijalankan sekiranya projek tertakluk di bawah 'Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling' yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, pihak JPS telah mengambil kira pelaksanaan *Environmental Management Plan* (EMP) dalam projek tebatan banjir yang merangkumi pencemaran udara, air dan bunyi. *Best Management Practices* digunakan untuk mengawal pencemaran tersebut termasuk mensyaratkan pihak kontraktor melaksanakan mitigasi mengatasi *erosion and sediment* untuk meminimumkan impak kepada alam sekitar akibat pelaksanaan projek.

Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor tiga berkisarkan perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan dan saliran di sekitar Parlimen Permatang Pauh di beberapa kawasan yang kerap dilanda banjir, seperti di Taman Siakap dan Taman Senangin di DUN Seberang Jaya serta Kampung Terus di DUN Penanti. Pelan Induk Tebatan Banjir Dan Sistem Saliran bagi Daerah Seberang Perai Tengah telah siap pada April 2016. Di dalam pelan ini kesemua kawasan *hot spot* banjir telah dikenal pasti di dalam kawasan SPT termasuk kawasan yang berada dalam Parlimen Permatang Pauh. Bagi projek yang sedang dilaksanakan oleh JPS Pulau Pinang menggunakan peruntukan kerajaan negeri adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>
1.	Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa di Kampung Tanah Liat, Taman Guru, Padang Lalang dan Kampung Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	30.31 juta
2.	Projek Pembinaan Rumah Pam Taman Senangin, Rumah Pam Siakap 1 dan Rumah Pam Siakap 2 di Daerah Seberang Jaya, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	11.0 juta (kos siling)
3.	Projek Tebatan Banjir Parit 4 di Bukit Tengah dan Taman Desa Damai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	16.98 juta
4.	Projek Tebatan Banjir di Parit 5, Taman Mangga dan Jalan Juru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	11.5 juta

5.	Projek Tebatan Banjir Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	40 juta
----	---	---------

Berkenaan dengan soalan keempat, memperkenalkan kaedah *Landscape Dike* atau dikenali sebagai Permatang Hijau. Kawalan banjir menggunakan kaedah *Landscape Dike* atau dikenali sebagai Permatang Hijau yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memang termasuk di dalam kaedah saluran kawalan di punca berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) yang dikeluarkan oleh JPS. Pelaksanaan kaedah ini bergantung kepada keadaan serta kesesuaian sesuatu kawasan.

Soalan yang kelima, kontraktor yang dilantik tidak mengikut spesifikasi PBA dalam pembinaan pam Mak Sulong dan Empangan Mengkuang yang tidak diurus dengan baik sehingga menyebabkan banjir. Untuk makluman, kerja-kerja yang dijalankan adalah mengikut spesifikasi yang diluluskan berdasarkan standard dan piawaian terkini selaras dengan piawaian SIRIM dan juga mendapat kelulusan SPAN. Selain dari itu, sesi libat urus antara KATS, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama pihak operator PBAPP telah diadakan dari semasa ke semasa dalam melaksanakan projek ini. Ia meliputi peringkat kajian, reka bentuk projek, perolehan tender sehingga pelaksanaan pembinaan projek ini.

Pelantikan kontraktor untuk melaksanakan projek ini adalah berdasarkan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2009. Untuk makluman, pelantikan ini tidak melibatkan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) di mana proses pelantikan kontraktor telah dilaksanakan oleh KATS mengikut surat kelulusan tersebut berdasarkan tatacara perolehan Kementerian Kewangan pada ketika itu.

Projek Pembinaan Rumah Pam Mak Sulong telah siap sepenuhnya pada 28 September 2017. Penerimaan tarikh penyiapan projek tersebut adalah berdasarkan pematuhan pihak kontraktor dalam melaksanakan pembinaan projek ini mengikut spesifikasi dan syarat-syarat kontrak yang telah luluskan oleh perunding bertauliah yang dilantik oleh kerajaan.

Kejadian sistem saluran air yang tersumbat tersebut adalah disebabkan mendapan (*sediment*) yang telah mengeras akibat sistem pengepaman yang tidak dioperasi hampir enam bulan. Walau bagaimanapun, dalam perjumpaan Yang Berhormat Menteri KATS pada 4 September 2018, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang bersetuju untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengambil alih dan mengoperasikan

empangan mengkuang dan rumah pam Mak Sulong. Selain itu, penurunan kualiti air dengan kandungan sedimen terampai (*suspended solid*) yang tinggi berkemungkinan akibat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bahagian hulu sungai sau.

Empangan Mengkuang, pada masa ini, paras air di Empangan Mengkuang adalah *elevation level* 37.4 meter sahaja. Takungan Empangan Mengkuang hanya boleh melimpah jika paras air dalam empangan melebihi paras air tertinggi Empangan Mengkuang iaitu *elevation level* 55 meter melalui struktur alur limpah (*spillway*). Justeru, kejadian banjir di kawasan sekitar Permatang Pauh tidak mungkin disebabkan oleh limpahan air dari Empangan Mengkuang. Terima kasih.

### **Masalah Banjir di Sekitar Alor Setar**

#### **2.48 ptg.**

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ke atas masalah banjir di Alor Setar yang disebabkan oleh paras sungai yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kawasan Alor Setar sering dilanda banjir yang teruk setiap tahun. Pada awal bulan Oktober ini, banjir di Alor Setar melibatkan ratusan keluarga sehingga pihak bertindak terpaksa membuka 10 pusat pemindahan sementara (PPS) untuk penempatan ratusan mangsa.

Selain daripada itu, banyak kawasan banjir tradisi juga turut mengalami masalah ini walaupun masalah ini telah melebihi 10 tahun, contohnya Jalan Putra dan Taman Bunga Raya Tongkang Yard. Masalah banjir merata-rata tempat mungkin disebabkan oleh punca yang berlainan, akan tetapi, paras sungai yang tinggi merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada banjir.

Sejauh mana projek tebatan banjir membantu dalam menyelesaikan masalah banjir ini dan apa status terkini dan cabaran yang memperlambatkan penyelesaian tersebut. Minta pihak kementerian menyatakan juga langkah-langkah yang akan diambil untuk penyelesaian jangka masa panjang dan apakah masalah yang dihadapi semasa langkah-langkah tersebut dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

■1450

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Tuan Yang di-Pertua, isu banjir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar lebih menjuruskan kepada isu banjir kilat. Isu-isu berkenaan banjir kilat adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) juga membantu kerajaan negeri dengan menjalankan kajian berkenaan isu tersebut melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kedudukan kawasan Alor Setar yang terletak di hilir Lembangan Sungai Kedah akan menyebabkan kawasan tersebut mudah dilanda banjir apabila terjadi hujan yang lebat di bahagian hulu serta kesan pasang surut air laut. Kedudukan Bandar Alor Setar juga berdekatan dengan sungai utama yang merupakan satu-satunya saluran keluar ke laut iaitu Sungai Kedah.

Terdapat beberapa sungai yang mengalir masuk ke Sungai Kedah selain daripada sistem saliran (parit/ longkang). Keadaan ini menyebabkan Bandar Alor Setar mempunyai risiko untuk mengalami banjir sama ada banjir monsun ataupun banjir kilat.

Masalah Banjir di Jalan Putra

Isu	Penyelesaian
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem saliran di Sungai Terus yang sempit dan tidak dapat menampung aliran air serta sukar untuk dilebarkan bagi pelaksanaan projek tebatan banjir.</li> <li>• Kawasan rizab sungai berkenaan telah diceroboh dan terdapat pembinaan rumah di dalam kawasan rizab sungai tanpa kebenaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkara ini telah telah dimaklumkan kepada PBT untuk tindakan selanjutnya.</li> <li>• Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah hanyalah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai berkenaan mengikut keadaan semasa.</li> </ul>

Masalah Banjir di Taman Bunga Raya Tongkang Yard

Isu	Penyelesaian
<ul style="list-style-type: none"> <li>Masalah berkaitan dengan sistem saliran sedia ada yang tidak dapat menampung pertambahan kadar alir disebabkan oleh sistem saliran bandar telah tertimbus akibat daripada tindakan penduduk yang membuat lintasan tanpa kebenaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkara ini telah mendapat perhatian pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tindakan selanjutnya.</li> </ul>

Tindakan dan Penyelesaian Masalah Banjir.

Bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan Alor Setar dengan mengawal aliran air dari hulu, kerajaan sedang melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kedah-Anak Bukit. Projek berkenaan telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan dijangka siap pada tahun 2019 dengan peratus keseluruhan pelaksanaan projek sehingga kini 91 peratus.

Cabaran Pelaksanaan.

Isu pengambilan balik tanah. Isu untuk memenuhi keperluan/kehendak pihak-pihak serta agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek berkenaan.

Penyelesaian Jangka Masa Panjang.

Bagi penyelesaian jangka masa panjang, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui JPS akan berusaha untuk memohon peruntukan tambahan bagi pelaksanaan projek-projek untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan-kawasan yang sering mengalami banjir di Kedah termasuklah kawasan Alor Setar. Projek yang telah dilaksanakan ialah:

1.	RTB Sungai Kedah/ Sungai Anak Bukit (Pakej 1)	13.9 juta
----	---	-----------

2.	Banjir di Sungai Keroncho, Daerah Kubang Pasu	2 juta
	Jumlah (RM)	15.9 juta

Projek yang sedang dilaksanakan ialah:

1.	RTB Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit (Pakej 2)	236 juta
2.	RTB Pendang	100 juta
3.	RTB Changloon	7 juta
4.	Kerja-kerja penyelenggaraan sungai untuk mengurangkan risiko banjir di Daerah Kota Setar/ Pendang/ Yan	1.32 Juta
	Jumlah (RM)	344.2 juta

Selain daripada melaksanakan projek-projek tebatan banjir, perancangan pembangunan bandar hendaklah dikawal oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan mengambil kira aliran keluar dari kawasan pembangunan ke saliran sedia ada dan selaras dengan saliran sedia ada. Pihak KATS akan sarankan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah khususnya mengambil tindakan untuk penjagaan dan penguatkuasaan zon penampan dan kawasan rizab sungai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 13 November 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.54 petang]***